

BELANJAWAN: RM1.2 Bilion Untuk Pendidikan Prasekolah Berkualiti
Bernama
28 September, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Sebanyak RM1.2 bilion akan disediakan kepada pelbagai agensi kerajaan sebagai platform melengkapkan kanak-kanak dengan pendidikan prasekolah berkualiti, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Agensi berkenaan termasuk Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, PERMATA dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional yang terbabit secara langsung dalam menyediakan pendidikan prasekolah.

"Sebagai tambahan, RM380 juta akan disediakan kepada Kementerian Pelajaran untuk penempatan guru prasekolah," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2013 di Dewan Rakyat Jumaat.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan juga mencadangkan beberapa insentif untuk memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan sempurna di samping membangunkan perkembangan minda yang positif.

Beliau berkata insentif itu termasuk geran pelancaran RM10,000 kepada Pusat Pendidikan Awal Pendidikan Kanak-Kanak (ECCE) swasta untuk membantu mereka membuka taska baharu yang berkualiti.

Kira-kira 1,000 pusat ECCE swasta baharu akan mendapat manfaat daripada insentif itu, katanya.

Najib berkata majikan juga akan diberikan potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

"Ketiga, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun diberi kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta.

"Keempat, pengecualian cukai pendapatan untuk tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun diberikan kepada pengusaha prasekolah swasta," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan melaksanakan projek perintis bagi Taska OKU (prasekolah kanak-kanak kurang upaya) bagi enam kategori kanak-kanak iaitu sindrom down, autisme, buta atau cacat penglihatan, pekak dan bisu, kurang upaya fizikal dan OKU masalah pembelajaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698138>